

Bakti hulur bantuan RM10,000 kepada kawasan dilanda banjir

DENGKIL 8 Nov. - Badan Amal dan Kebajikan Tenaga Isteri-isteri Menteri dan Timbalan Menteri (Bakti) akan menyalurkan bantuan sebanyak RM10,000 kepada setiap kawasan yang dilanda banjir baru-baru ini.

Isteri Perdana Menteri yang juga Yang Dipertua Bakti, Datin Seri Rosmah Mansor berkata, penyaluran bantuan itu bagi meringankan beban mangsa banjir dalam memperolehi barangan keperluan seharian.

"Kita akan salurkan RM10,000 kepada kawasan yang dilanda banjir di Selangor, Melaka, Perak dan Johor melalui badan-badan isteri wakil rakyat masing-masing dalam tempoh terdekat ini.

"Walaupun jumlah itu mungkin tidak dapat memenuhi seratus peratus keperluan setiap mangsa banjir tetapi sekurang-kurangnya boleh meringankan beban mereka, khususnya kalangan yang mempunyai anak-anak yang masih bersekolah," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap selepas melawat mangsa-mangsa banjir yang ditempatkan di Dewan Orang Ramai Dengkil di sini hari ini.

Turut hadir, Ahli Parlimen Se-



ROSMAH Mansor menyerahkan sumbangan cek berjumlah RM10,000 kepada wakil Kasih, Datin Seri Azlina Ahmad untuk disumbangkan kepada mangsa-mangsa banjir di Dewan Orang Ramai, Dengkil, semalam.

pang, Datuk Seri Ir. Mohd. Zin Mohamed.

Pada majlis itu, Rosmah menyerahkan RM10,000 kepada wakil Badan Amal dan Kasih Selangor (Ka-

sih) untuk diagihkan kepada mangsa banjir di negeri itu.

Menurut Rosmah, rakyat negara ini sepatutnya bersyukur dengan kecekapan kerajaan mengurus dan

menghulurkan bantuan kepada mangsa-mangsa banjir.

Malah, beliau berkata, banyak badan bukan kerajaan (NGO) tanpa mengira kaum telah menghulur

bantuan kepada mangsa banjir.

"Saya rasa kita bertuah dengan adanya kerajaan hari ini kalau dibandingkan dengan negara-negara lain kerana kita di sini tidak perlu mengharapkan bantuan luar bila ditimpa bencana alam seperti banjir.

"Syukur Alhamdulillah dan inillah kerajaan yang terbaik," katanya.

Sementara itu, Mohd. Zin yang ditemui di majlis tersebut menyeru kerajaan negeri agar memastikan tidak ada lagi kerja-kerja perlombongan pasir di tepi sungai sepanjang musim hujan ini.

Kerja-kerja sedemikian, katanya, akan menyebabkan tebing sungai runtuh dan sekali gus kawasan berdekatan dilanda banjir jika berlaku hujan lebat.

"Walaupun keadaan banjir di negeri ini sudah kian pulih tetapi Jabatan Kaji Cuaca ada menyatakan ketidakpastian cuaca dalam tempoh beberapa bulan ini.

"Justeru itu, selain menghentikan kerja-kerja perlombongan pasir sepanjang sungai, pihak berkuasa tempatan (PBT) perlu meningkatkan kerja-kerja pembersihan longkang dan parit dalam kawasan pentadbiran masing-masing," katanya.